

17/01/1998

Rakyat perlu tolak fahaman politik fanatik

BUKIT KAYU HITAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu menolak fahaman politik fanatik bagi menjamin kestabilan negara.

Perdana Menteri berkata, fahaman politik secara keterlaluan tidak harus menjadi amalan rakyat kerana ia hanya menyebabkan perpecahan dan pergaduhan di kalangan penduduk.

Sambil mengambil contoh fahaman politik fanatik yang dianjurkan golongan pelampau di Algeria dan Mesir, Dr Mahathir berkata, rakyat di negara ini tidak boleh mencontohi perjuangan mereka yang mendakwa, kononnya berasaskan perjuangan Islam.

"Kita tidak ingin rakyat terlalu fanatik dalam mana-mana parti politik seperti fahaman melampau di Algeria, yang mana mereka sanggup membunuh kanak-kanak dengan amat kejam.

"Islam tidak menyuruh kita membunuh ... perbuatan ini tidak kena dengan ajaran agama kita," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Kompleks Jabatan Imigresen di pintu sempadan Malaysia-Thailand, di sini petang ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) serta kira-kira 200 kakitangan jabatan itu dan orang ramai.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh dianggap bertuah kerana fahaman seumpama itu tidak berlaku di negara ini hasil sifat sederhana yang diamalkan rakyat.

Menurut Dr Mahathir, fahaman politik secara fanatik harus dikawal dari peringkat awal bagi membanteras tindakan pihak yang boleh menjejaskan keharmonian dan perpaduan rakyat pelbagai kaum.

"Islam tidak menyuruh umatnya bermusuhan sesama sendiri atau dengan kaum lain.

"Kita harus memelihara persefahaman sesama kita sejajar tuntutan al-Quran," katanya.

(END)